

RM9.1 juta laksana latihan tembak PLKN

UM - 30/8/2006

Anggaran kos tambahan itu meliputi penyediaan bahan keperluan termasuk peluru, pengangkutan dan sewaan khemah

**NAJIB
TUN RAZAK**
Timbalan
Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Sebanyak RM9.1 juta diperuntukkan setiap tahun bagi melaksanakan latihan menembak dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, anggaran kos tambahan itu meliputi penyediaan bahan keperluan termasuk peluru, pengangkutan dan sewaan khemah.

Menurutnya, kos untuk peluru membabitkan perbelanjaan RM3.5 juta, pengangkutan (RM2.5 juta), sewaan khemah (RM2.4 juta), papan sasaran dan

kayu bingkai (RM238,610) dan penebat telinga (RM100,000).

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis pada persidangan Dewan Rakyat hari ini bagi menjawab soalan **Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah)** me-

ngenai kos tambahan melaksanakan latihan menembak.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, keperluan-keperluan yang disediakan ialah air mineral, paku, kertas tampal dan beg pasir.